

KHUTBAH JUMAAT

“FATWA BERWIBAWA MEMBANGUN PERADABAN UMMAH”
(28 Jun 2024M/ 21 Zulhijjah 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ، وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
آمَّا بَعْدُ، فَإِنَّمَا عِبَادَةَ اللَّهِ حَقُّ تُقَاتِيهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita tumpukan perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan. Hindarilah perbuatan-perbuatan yang boleh menghilangkan ganjaran pahala Jumaat seperti bercakap-cakap dan bermain dengan telefon bimbit. Semoga khutbah yang disampaikan dapat diambil panduan dan pesanannya.

Sempena Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Kali Ke-124 (MKI), yang kini sedang berlangsung di bandaraya Kuching, marilah sama-sama kita menumpukan perhatian dan menghayati sepenuhnya khutbah pada hari ini yang bertajuk **“FATWA BERWIBAWA MEMBANGUN PERADABAN UMMAH.”**

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Dalam menjalani kehidupan sehari-hari, umat Islam menjadikan Al-Quran dan sunnah nabi Muhammad SAW sebagai panduan. Apabila mereka berhadapan dengan isu baharu yang memerlukan penjelasan hukum tetapi tidak disebut dengan jelas dalam sumber perundangan islam maka

fatwa yang akan digunakan untuk menentukan hukum. Isu baharu tidak dapat dielakkan dalam kehidupan manusia kerana kehidupan sentiasa berubah dan memerlukan kepada inovasi baharu yang memberi kesan kepada hidup beragama kepada masyarakat. Sebagai contoh isu penemuan sains seperti bayi tabung uji yang memerlukan kepada fatwa sebagai garis panduan kepada umat Islam. Dalam kehidupan global kita tidak terhad kepada sesuatu isu masyarakat setempat bahkan seluruh dunia. Isu-isu di luar negara yang menjadi amalan di sana akan menjadi suatu maklumat baharu kepada masyarakat tempatan kita melalui penularan media sosial.

Oleh itu, fatwa memainkan peranan penting dalam menterjemahkan hukum hakam dalam isu baharu mengikut acuan masyarakat setempat. Ini kerana sesuatu yang sesuai di tempat lain mungkin tidak sesuai kepada masyarakat setempat. Fatwa yang baik perlu mengambil kira uruf dan keperluan masyarakat setempat. Secara ringkas fatwa ialah usaha menentukan hukum hakam yang tidak disebut dengan jelas dalam sumber perundangan Islam yang asas iaitu Al-Quran dan Sunnah Nabi. Maka golongan ulama bertanggungjawab untuk berijtihad dengan adab dan tuntutan syariat dalam menentukan hukum.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Di zaman yang serba moden ini, terdapat umat Islam dalam kalangan masyarakat, gemar berkongsi pengalaman, nasihat dan pandangan sama ada melalui pengucapan awam atau di media sosial. Perkongsian yang baik dan bermanfaat sudah tentu dapat memberi input positif dan kebaikan kepada orang lain yang mendengar dan membacanya.

Namun, sekiranya perkara yang ingin dikongsikan adalah berkaitan pandangan Hukum Syarak atau fatwa bagi sesuatu perkara yang masih samar dan belum diputuskan, adalah tidak sepatutnya bagi kita sebagai umat Islam, untuk mengeluarkan kenyataan atau “fatwa” sendiri secara terburu-buru dengan mendahului pihak berautoriti. Dibimbangi jika pandangan yang dikeluarkan itu mempunyai kepentingan peribadi atau memberi kelebihan kepada pihak tertentu, tanpa meraikan maslahah kesatuan umat Islam secara keseluruhan.

Hadirin yang dirahmati Allah,

Sungguh malang dan sedih sekali di zaman kita sekarang, keberanian mengeluarkan pendapat seolah-olah berfatwa terutamanya dalam pengucapan dan melalui media sosial, melebihi ilmu dan kelayakan yang ada. Lihat saja jika timbul isu baharu yang dibahaskan di media sosial, kita akan dapati seribu ‘mufti alam maya’, akan muncul memberikan komen tanpa asas ilmu yang kukuh, seterusnya menyebabkan kekeliruan dan perbalahan sesama sendiri.

Bukanlah sifat seorang ulama’ atau mufti itu untuk memberi komen atau pandangan dalam semua hal. Mereka cukup berhati-hati dan akan memikirkan kesannya. Dalam hal ini, Imam al-Nawawi dalam Adab Fatwa wa al-Mufti wa al-Mustafti menyatakan bahawa imam al-Syafie ditanya tentang satu permasalahan hukum tetapi tidak dijawab, lalu imam al-Shafie menjelaskan :

“Sehingga aku tahu mana satu yang lebih afdal sama ada diam atau menjawab.”

Inilah akhlak dan peribadi seorang ilmuan yang merupakan imam mazhab. Sangat teliti dan cukup berhati-hati. Berbeza dengan seseorang yang tiada ilmu, akan sentiasa mengeluarkan “fatwa segera” terhadap semua isu seterusnya mendabik dada dengan pengetahuannya yang cetek, walaupun pada perkara yang tidak memberi kebaikan kepada umat Islam.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Fatwa atau pandangan hukum yang salah daripada orang yang jahil bukan sahaja memberikan kesan kepada orang yang mengeluarkan fatwa, bahkan ia akan merosakkan masyarakat. Dalam riwayat Jabir Radiallahu anhu, beliau berkata yang bermaksud :

“Kami keluar dalam satu perjalanan. Seorang lelaki dalam kalangan kami telah ditimpa batu lalu cedera di kepalanya. Dia kemudiannya bermimpi (sehingga keluar mani). Lalu dia bertanya kepada sahabat-sahabatnya: “Adakah bagiku kelonggaran untuk bertayammum? Mereka menjawab: Kami tidak dapat untuk engkau kelonggaran sedangkan engkau mampu menggunakan air. Maka dia pun mandi dan (akibatnya) dia telah mati. Apabila kami datang kepada Nabi SAW, dan baginda diberitahu hal tersebut. Baginda bersabda:

قَتْلُوهُ قَتَلَهُمُ اللَّهُ أَلَا سَأَلُوا إِذْ لَمْ يَعْلَمُوا فَإِنَّمَا شِفَاءُ الْعِيِّ السُّؤَالُ

Maksudnya : Mereka telah membunuhnya, semoga Allah membunuh mereka. Mengapa tidak mereka bertanya jika mereka tidak tahu?!! Ubat bagi kejahanan itu adalah dengan bertanya. (Riwayat Abu Daud).

Demikianlah kesan atau musibah yang akan dihadapi oleh umat Islam jika tidak merujuk kepada ahlinya, sebaliknya berlumba-lumba mengeluarkan fatwa tanpa ilmu, kesan daripada tindakan dan pertuturan yang mendahului ilmu dan pemikiran.

Hadirin yang dikasihi Allah sekalian.

Bagi mengakhiri khutbah pada kali ini, khatib menyeru dan mengajak seluruh umat Islam supaya menghayati beberapa pengajaran berikut untuk dijadikan sebagai pedoman hidup kita :

1. Fatwa bukanlah bicara biasa yang boleh dikeluarkan oleh sesiapa sahaja, bahkan ia merupakan suatu tanggungjawab yang akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT di akhirat nanti.
2. Mengeluarkan fatwa bererti mengeluarkan Hukum Syarak. Jika tidak memiliki keilmuan dan kebijaksanaan yang tinggi, maka janganlah sesekali berkongsi pandangan dan maklumat berkaitan Hukum Syarak di tengah masyarakat.
3. Tingkatkan ilmu agama dalam diri dan mereka yang berada di bawah jagaan kita sebagai benteng aqidah dan syariat Islam kerana dengan ilmu akan menyebabkan kita lebih berhati-hati.
4. Jika terdapat sebarang keraguan dalam memahami Hukum Syarak, rujuklah kepada pihak berautoriti agama Islam, dalam mendapatkan maklumat yang tepat dan shahih menurut syariat Islam.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah subhanahu wata'ala dalam *dalam Surah al-Israa'*: 36

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .
وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ
عَنْهُ مَسْؤُلًا

Maksudnya : *Dan janganlah engkau mengatakan perkara yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya, sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ . أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ رَبِّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita memperbanyakkan istighfar dan memohon keampunan daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* mengampuni segala dosa kita dan menerima segala amalan kita. Marilah kita juga berdoa untuk kebaikan umat Islam di seluruh dunia agar mereka sentiasa berada dalam lindungan dan rahmat Allah *subhanahu wata'ala*.

Khatib juga menyeru agar kita terus mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَئِيَّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِي سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِي سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِي سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارِكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِي سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ،

فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ، سَادَاتِنَا أَئِيْ بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلَيٰ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالْتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, perang dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami dari gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan kefaian serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ، أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.